

Pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh dan Pembelajaran Dalam Talian

Jom Kenali Mahasiswa OKU dan Keperluan Mereka:

OKU Fizikal



Definisi

Pelajar yang mempunyai:

- ▶ a. Kekurangan jangka panjang fizikal;
- ▶ b. Kategori yang termasuk kerdil, kudung tangan atau kaki atau keduanya, kudung ibu jari tangan, lumpuh, *spina bifida*, *muscular dystrophy* dan *cerebral palsy*.



Cabaran yang dihadapi

- a. Memerlukan masa tambahan semasa menduduki peperiksaan.
- b. Kesukaran melakukan tugas yang melibatkan pergerakan fizikal seperti menulis dan menaip.
- c. Tidak dapat melaksanakan tugas dalam waktu yang ditetapkan.



Cadangan penilaian kursus

- 1 Penggunaan rubrik yang bersesuaian dengan keupayaan.
- 2 Pengubahsuaian munasabah mengikut keupayaan fizikal pelajar (*reasonable adjustment*).
- 3 Penambahan masa dalam menjawab kuiz dan peperiksaan secara dalam talian.
- 4 Penilaian dalam talian secara lisan atau rakaman video bergantung kepada keperluan pelajar.

Amalan terbaik Pelaksanaan PdPc

- 1 Bahan dan aplikasi pembelajaran yang mesra OKU fizikal.
- 2 PdPc disesuaikan mengikut ketidakupayaan pelajar OKU fizikal.
- 3 Memaklumkan kepada pelajar bagaimana PdPc yang akan dilaksanakan.
- 4 Menyatakan tempoh kerja, tarikh, masa dan cara serahan tugas dengan terperinci kepada pelajar.
- 5 Berinteraksi atas talian secara langsung lebih berkesan berbanding sistem *chat*.



Pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh dan Pembelajaran Dalam Talian

Jom Kenali Mahasiswa OKU dan Keperluan Mereka:


OKU Mental



Definisi

Seseorang yang telah disahkan mengalami ketidakupayaan mental oleh Pakar Psikiatri atau Pegawai Psikologi Klinikal. Ketidakupayaan mental merujuk kepada masalah yang berkaitan perasaan atau fikiran atau kognitif yang di luar julat normal, sehingga melibatkan gangguan kepada fungsi normal seseorang individu dalam menjalankan aktiviti harian atau penampilannya dan perangainya atau menjalankan tanggungjawabnya sebagai pelajar.

Ketidakupayaan mental boleh dikategorikan kepada *Mood Disorder*, *Anxiety Disorder*, *Psychotic Disorder*, dan *Organic Mental Disorder*.



Amalan terbaik Pelaksanaan PdPc

- 1 Tugas pembelajaran perlu dipecahkan kepada segmen-segmen kecil, 'one step at one time'.
- 2 Pensyarah digalakkan menyediakan *teaching video* atau audio untuk pelajar ulang siar pembelajaran.
- 3 Pensyarah memberi ruang/masa khusus kepada pelajar OKU Mental selepas waktu pembelajaran.
- 4 Pensyarah menyediakan kaedah pengajian jarak jauh secara *offline* dan *online*.



Cabaran yang dihadapi

- Perasaan malu untuk tampil mendapatkan bantuan kerana stigma masyarakat menganggap pesakit mental sebagai 'gila'.
- Sukar untuk mengadaptasi dengan peralihan kaedah pembelajaran (bersemuka dalam talian).
- Menghadapi masalah di dalam pengurusan diri, masa dan persekitaran pembelajaran.
- Tidak dapat menyiapkan tugas pada kadar waktu yang ditetapkan.
- Tidak dapat memberi tumpuan penuh ketika di dalam sesi pembelajaran.
- Kerap kali tidak hadir ke sesi pembelajaran atau peperiksaan kerana gangguan fikiran dan serangan mood yang tidak boleh dikawal.
- Sukar dan lambat untuk memahami sesuatu topik akibat kesan pengambilan ubat, kemurungan atau psikosis.
- Memberi respon yang tidak sesuai atau janggal.



Cadangan penilaian kursus

- 1 Penilaian Bertulis (*Written Assessment*)
- 2 Penilaian Kendiri (*Self-based Assessment*)
- 3 Penilaian Individu (*Individual Assessment*)
- 4 Pengubahsuaian munasabah (*Reasonable Adjustment*) penilaian mengikut keupayaan pelajar

Pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh dan Pembelajaran Dalam Talian

Jom Kenali Mahasiswa OKU dan Keperluan Mereka:

OKU Masalah Pembelajaran (Autism Spectrum Disorder - ASD)



Definisi

Pelajar yang mempunyai:

- 1 Kekurangan dalam komunikasi dan interaksi sosial.
- 2 Mempunyai corak kelakuan, minat atau aktiviti yang terbatas / berulang.




Amalan terbaik Pelaksanaan PdPc

- 1 Berkomunikasi secara pesanan bertulis / suara (bagi pelajar yang kurang gemar temuan mata).
- 2 Berkomunikasi seorang ke seorang.
Menyampaikan syarahan secara langsung (tanpa menggunakan ayat-ayat berbentuk kiasan, dwimakna, sindiran).
- 3 Memaklumkan dan menerangkan kepada pelajar bagaimana PdPc akan dijalankan.
- 4 Menyediakan dan memaklumkan kepada pelajar bahan pengajaran (sama ada dalam bentuk pdf, PowerPoint, video dan sebagainya).
- 5 Nyatakan tempoh kerja atau serahan tugas dengan terperinci termasuklah tarikh, masa dan cara penyerahan.
- 6 Banyak menggunakan ayat yang mengandungi satu arahan dan satu makna bukan satu ayat, 2 atau lebih arahan dan makna yang banyak (contoh: "Sila buat muka surat 1. Buat soalan 1. Hantar kepada saya pada pukul 1 hari ini". *bukan* "buat muka surat 1, soalan 1 dan hantar kepada saya selepas kelas").
- 7 Lebih banyak berkomunikasi berbentuk fakta, angka, visual dan bukan secara verbal dan teori.

Cabaran yang dihadapi

- Kurang atau tiada temuan mata.
- Kesukaran memahami sindiran / kiasan.
- Kesukaran memahami bahasa gerak-geri.
- Kesukaran memahami peraturan komunikasi.
- Memaparkan kelakuan atau perbuatan berulang seperti berdengung, bergerak dengan perlahan, menepuk tangan, menutup telinga, menghayun badan, atau menggaru.
- Kefahaman yang berbeza.
- Sukar memahami kehendak orang lain dan juga sebaliknya.



Cadangan penilaian kursus

- 1 Penilaian individu – bertulis seperti karangan, tugas, laporan / lisan seperti pembentangan.
- 2 Pengubahsuaian munasabah (*reasonable adjustment*) penilaian mengikut keupayaan pelajar.





Pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh dan Pembelajaran Dalam Talian

Jom Kenali Mahasiswa OKU dan Keperluan Mereka: *OKU Masalah Pembelajaran (Disleksia)*



Definisi

Kesukaran untuk mengenal pasti huruf sehingga mengganggu kelancaran dalam pembacaan dan penulisan walaupun memiliki kecerdasan normal.



Cabaran yang dihadapi

Kesukaran untuk: fokus pada tugas yang berbentuk penulisan dan mencatat nota.

Keliru dengan ayat yang dibaca dan mudah tertekan semasa proses pembelajaran.

Amalan terbaik Pelaksanaan PdPc

- 1 Penggunaan aplikasi pembelajaran interaktif (visual dan sari kata).
- 2 Merakam proses pembelajaran untuk mendengar semula maklumat penting.
- 3 Tajuk aktiviti dalam kelas dan tugas adalah sama pada satu masa.
- 4 Penggunaan bahasa yang mudah difahami.



Cadangan penilaian kursus

- 1 Pengubahsuaian munasabah (*reasonable adjustment*) penilaian mengikut keupayaan pelajar.
- 2 Fleksibel dan kreatif dalam memberi markah tugas dan peperiksaan. Contoh: markah peperiksaan lisan lebih tinggi berbanding penulisan.
- 3 Soalan berbentuk kuiz online supaya pelajar dapat mengulang semula rakaman untuk meningkatkan kefahaman sebelum menjawab soalan.



Pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh dan Pembelajaran Dalam Talian

Jom Kenali Mahasiswa OKU dan Keperluan Mereka: *OKU Masalah Pembelajaran (Slow Learners)*



Definisi

Individu ini mempunyai IQ (tahap intelek/kepandaian) yang lemah, dan mempunyai kelemahan yang ketara dari segi masalah pertuturan, berfikir, mengeja, menghitungkan, masalah pergaulan, masalah penjagaan diri, tidak boleh berinteraksi di komuniti tanpa pantauan dan lemah dalam memberi tumpuan. Kebolehan untuk berfikir dan membuat keputusan terganggu kerana pemikiran adalah tidak sesuai dengan umur.



Amalan terbaik Pelaksanaan PdPc

- 1 Perbincangan dalam talian secara kumpulan kecil (3-4 orang sahaja).
- 2 Pembelajaran menerusi topik-topik kecil.
- 3 Bahan pembelajaran yang mengutamakan pelbagai warna / imej / grafik / video / carta / graf / audio-visual.
- 4 Video tunjuk cara / demonstrasi lebih mudah difahami.
- 5 Pembelajaran menggunakan teknologi sederhana tidak rumit (*low-technology*).
- 6 Video pembelajaran di selang seli dengan video motivasi santai / kelakar.
- 7 Permainan dalam talian dan pembelajaran interaktif.
- 8 PdPc sentiasa diselitkan semangat, pujian serta penghargaan (*words of wisdom*).
- 9 Video call berkala untuk mengetahui perkembangan pembelajaran.



Cabaran yang dihadapi

- Tidak boleh belajar dalam jumlah yang ramai kerana tahap kefahaman yang rendah.
- Sukar menerima pengajaran yang kompleks dan banyak.
- Sukar membayangkan penerangan berbentuk abstrak. Lebih mudah faham dalam bentuk visual.
- Perhatian mudah teralih daripada satu stimulus ke stimulus lain.
- Sukar faham arahan terutama arahan tugas yang panjang.
- Rendah diri dan kurang rasa dihargai *low self-esteem*.



Cadangan penilaian kursus

- 1 Pengubahsuaian munasabah (*reasonable adjustment*) penilaian mengikut keupayaan pelajar.
- 2 Kuiz online mengikut topik / bahagian.
- 3 Tugas berasaskan projek / kes dalam talian.
- 4 Penulisan kertas kerja yang dipecah kepada topik-topik kecil.
- 5 Video Pembentangan.

Pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh dan Pembelajaran Dalam Talian

Jom Kenali Mahasiswa OKU dan Keperluan Mereka:

OKU Pendengaran dan Pertuturan



Definisi



Pendengaran:

tidak mendengar dengan jelas di kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran / tidak dapat mendengar langsung



Pertuturan:

Masalah pertuturan tetapi boleh mendengar. Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya

Cabaran yang dihadapi

Tidak dapat menyumbang secara aktif di dalam sesi: pembelajaran interaktif yang melibatkan aktiviti berkumpul, tutorial, pembelajaran berasaskan masalah (PBL), pembentangan secara verbal

Komunikasi secara bahasa isyarat, tulisan, atau paparan elektronik



Amalan terbaik Pelaksanaan PdPc

1

Interaksi menggunakan sistem *chat* lebih berkesan

2

Penggunaan bahasa yang ringkas dan mudah difahami

3

Penyediaan video pengajaran yang mempunyai sari kata dan berbentuk visual (animasi & video)

4

Perbincangan atas talian secara langsung disokong dengan sistem *chat*



Cadangan penilaian kursus

Penilaian dalam talian (*online*): penilaian secara bertulis

Penilaian lisan

Pengubahsuaian munasabah (*reasonable adjustment*) penilaian mengikut keupayaan pelajar




Jom Kenali Mahasiswa OKU dan Keperluan Mereka: OKU Penglihatan



Definisi

Individu yang mengalami masalah penglihatan terhad sama ada sebelah atau kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan. Ia terbahagi kepada dua kategori:

- ▶ **Buta (*Blind*):**
Penglihatan kurang dari 3/60 pada mata yang lebih baik walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang dari 10 penetapan / *fixation*;
- ▶ **Penglihatan Terhad (*Low Vision/Partially Sighted*):**
Penglihatan lebih teruk daripada 2/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang dari 20 penetapan / *fixation*.



Cadangan penilaian kursus

- 1 Bahan penilaian boleh diakses dengan mudah oleh pelajar.
- 2 Penggunaan rubrik yang bersesuaian dengan keupayaan dan kemahiran pelajar.
- 3 Penilaian menerusi pengubahsuaian munasabah mengikut keupayaan pelajar (*reasonable adjustment*) (contoh: ujian lisan menggantikan ujian bertulis).
- 4 Peruntukan masa tambahan bagi sesi penilaian.



e-book

Cabaran yang dihadapi

- ▶ Pelajar OKU penglihatan tidak mempunyai perisian pembelajaran khas persendirian.
- ▶ Kurang kemahiran pembelajaran jarak jauh dan aplikasi pembelajaran dalam talian.
- ▶ Format bahan pembelajaran yang tidak sesuai dengan perisian pembelajaran OKU penglihatan.



Amalan terbaik Pelaksanaan PdPc

- 1 Pelaksanaan pendidikan jarak jauh menerusi penggunaan aplikasi pembelajaran yang mudah lagi praktikal.
- 2 Bahan pembelajaran dalam bentuk rakaman video, audio atau *voice over slides*.
- 3 Bahan pembelajaran dalam format *words document* dan *pdf*.
- 4 Bahan pembelajaran berbentuk visual dan penerangan.
- 5 Aplikasi pembelajaran menerusi kemudahan *screen magnification* dan *voice narrator*.
- 6 Bantuan akses kepada *e-book* oleh pihak perpustakaan.

